

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT PERLUAS AKSES PERBANKAN ISLAM MENERUSI CAWANGAN BAHARU DI KUALA SELANGOR

Kuala Lumpur, 24 Ogos 2026 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) terus memperluas akses kepada perkhidmatan perbankan Islam menerusi pembukaan rasmi Cawangan Kuala Selangor, sekali gus memperkukuh kehadirannya di Selangor bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat, usahawan dan perniagaan tempatan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Borhan Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor, bersama Datuk Khairul Kamarudin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat.

Terletak di lokasi strategik, cawangan baharu ini menyediakan akses perbankan yang lebih mudah kepada pelanggan di Kuala Selangor dan kawasan sekitarnya termasuk Bestari Jaya, Tanjong Karang, Ijok dan Jeram.

Cawangan Kuala Selangor menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan perbankan Islam yang komprehensif merangkumi akaun semasa, simpanan dan pelaburan, pembiayaan perumahan, pembiayaan peribadi, pembiayaan kenderaan, pembiayaan ASB, kad debit dan kad kredit-i, pembiayaan perniagaan dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), serta perkhidmatan Ar-Rahnu, Muamalat Gold-i, unit amanah, perancangan kewangan dan perlindungan takaful bagi memenuhi keperluan kewangan individu, keluarga dan perniagaan.

Selain menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif, Bank Muamalat turut menyediakan perkhidmatan sebagai ejen rasmi Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Lembaga Tabung Haji, kemudahan pembayaran zakat serta perkhidmatan transaksi perbankan harian, bagi memastikan pelanggan dan komuniti setempat menikmati akses yang lebih mudah, cepak dan menyeluruh kepada keperluan kewangan mereka.

Pembukaan cawangan ini dijangka merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat dengan memperluas akses kepada penyelesaian kewangan dan pembiayaan bagi PMKS, usahawan serta pemain industri dalam sektor pertanian, perikanan, pelancongan dan makanan halal, sekali gus menyokong pembangunan perniagaan yang mampan serta meningkatkan daya saing ekonomi komuniti setempat.

Datuk Khairul berkata, pemilihan Kuala Selangor sebagai lokasi cawangan terbaharu merupakan keputusan yang tepat dan strategik, mengambil kira potensi pertumbuhan serta kepelbagaian aktiviti ekonominya.

“Kuala Selangor mempunyai prospek pertumbuhan yang amat memberangsangkan. Kehadiran Bank Muamalat di sini bukan sekadar untuk menyediakan perkhidmatan perbankan, malah untuk menjadi rakan kewangan yang dipercayai oleh masyarakat, usahawan dan perniagaan tempatan dalam merealisasikan potensi mereka.

“Kami juga komited untuk menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan, meningkatkan keterangkuman kewangan dan memperluas penggunaan penyelesaian kewangan Islam yang bertanggungjawab demi kesejahteraan masyarakat,” katanya.

Sempena majlis tersebut, Bank Muamalat turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Kempen Save2Win sebagai penghargaan atas sokongan berterusan pelanggan terhadap produk simpanan Bank Muamalat.

Bank Muamalat turut menyalurkan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada penerima yang dikenal pasti sebagai sebahagian daripada komitmen Bank dalam menyokong pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Pembukaan Cawangan Kuala Selangor mencerminkan komitmen Bank Muamalat untuk memperluas keterangkuman kewangan serta menyediakan penyelesaian kewangan Islam yang mudah diakses, inovatif dan mampan, selaras dengan aspirasi "**Kehidupan Lebih Baik, Bersama**".

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.